



PRESS STATEMENT

KENYATAAN AKHBAR TENTANG PENJELASAN KKM
BERKENAAN ETAP YANG KURANG TEPAT:
TARIK BALIK DAN BETULKAN FAKTA

27th Jun 2023

KENYATAAN AKHBAR

Kenyataan Akhbar Tentang Penjelasan KKM Berkenaan ETAP Yang Kurang Tepat: Tarik Balik dan Betulkan Fakta

Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Persatuan Perubatan Islam Malaysia (IMAM), Hartal Doktor Kontrak dan Malaysian Medics International (MMI) ingin memberi maklum balas terhadap kenyataan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) “Penjelasan Tentang Pemberian Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) bagi Pegawai Perubatan” yang tidak bertanggungjawab serta mengandungi fakta yang tidak tepat dan mengelirukan.

1. Fakta yang tidak benar

ETAP (elaun tugas atas panggilan) atau EKLWBB (elaun kerja luar waktu bekerja biasa) RM220 adalah untuk tugas atas panggilan hari hujung minggu dan bukan hari bekerja. Ayat “ETAP dibayar berdasarkan 15 jam sehari” adalah tidak betul kerana terdapat 24 jam pada hari Sabtu dan Ahad. Misalnya, pegawai atas panggilan yang bertugas pada hari Sabtu dikehendaki bekerja dari 8 pagi hari Sabtu hingga ke 8 pagi hari Ahad.¹

2. Contoh yang tidak relevan

Isu ETAP adalah salah satu isu semasa yang diutarakan bagi pihak pegawai perubatan dan pakar perubatan. Namun, contoh yang digunakan Dr Ali, seorang Pakar Perubatan dalam kenyataan adalah hampir mustahil, tidak realistik dan sangat jauh dari situasi yang dihadapi oleh kebanyakan pegawai dan pakar perubatan.

3. Contoh jumlah gaji yang ditunjukkan tidak tepat

Selain itu, adalah tidak logik untuk Pakar Perubatan UD52 memiliki gaji sebanyak yang ditunjukkan. KKM perlu memberikan perincian RM17299 ini dengan slip gajinya. Berdasarkan jadual tangga gaji minimum-maksimum, seseorang pegawai atau pakar perubatan UD52 hanya akan dapat gaji RM17299 selepas berada selama 22 tahun di gred yang sama (contoh yang tidak mungkin berlaku).²

Contoh ini yang mengambil gaji maksimum untuk justifikasi gaji pegawai perubatan pada awal tangga gajinya adalah salah dan akan mengelirukan orang awam. KKM telah memberi persepsi yang salah terhadap pegawai perubatan. Gambar menunjukkan gaji sebenar seorang pegawai perubatan UD52 yang berjawatan pakar.



KERAJAAN MALAYSIA	
ima	
. Gaji	
. K/P	
.Pkja/Sub Pkja	
KUMPULAN PTJ/PTJ :	
Pusat Pembayar :	
No Cukai/RWSP :	
Jumlah Pendapatan :	
Pendapatan Ber cukai :	
Pendapatan carum KWSP :	
Jumlah Potongan Gaji Bersih :	
Peratus Gaji Bersih :	

	AMAUN (RM)
0001 Gaji Pokok	5,971.00
1052 Im Ttp Perumahan	700.00
1054 Im Ttp Keraian	600.00
1275 BI Pakar Perubatan	2,500.00
1362 B.Imb Sara Hidup	300.00
1506 BI Perkhidmatan Kritikal	750.00

KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

BERSEKUTU
BERTAMBAH MUTU

Harus diingati bahawa majoriti pegawai perubatan kita berada di tangga gred bawah UD52, dan kebiasaan belum berkhidmat lebih daripada 10 tahun. Oleh itu, mereka tidak mungkin mencapai kadar gaji maksimum dalam jadual gaji untuk gred masing-masing.

4. Kenaikan Kadar ETAP

Seperti yang dinyatakan oleh KKM sendiri, kenaikan kadar ETAP terakhir adalah 2012 (11 tahun yang lalu). Adakah wajar 11 tahun berlalu tanpa sebarang kenaikan sedangkan kos inflasi perubatan meningkat sebanyak 9% setiap tahun.³Pelarasan gaji dan elaun sewajarnya dilakukan seiring dengan kenaikan kos sara hidup atau setiap 5 tahun sekali.

Kami mewakili doktor-doktor kerajaan Malaysia menyatakan bahawa:

1. KKM harus **menarik balik kenyataan tersebut dengan serta merta dan menyatakan kekesalan** terhadap pegawai perubatan Malaysia atas kesilapan fakta yang telah berlaku.
2. KKM harus **lebih prihatin terhadap kebajikan doktor dan mengambil inisiatif** dalam perbincangan isu-isu tersebut dengan persatuan-persatuan yang mewakili pegawai perubatan **sebelum mengeluarkan kenyataan yang kurang tepat.**
3. Penglibatan persatuan-persatuan dan badan-badan yang mewakili pegawai perubatan adalah **sesuatu yang wajib dalam pengkajian semula ETAP** dan elaun-elaun pegawai perubatan agar setimpal dgn waktu bekerja dan tugas hakiki.
4. **Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam bersama KKM harus prihatin** terhadap kebajikan pekerja-pekerja dalam bidang kesihatan negara kita, dan seterusnya membuat **pelarasan gaji dan elaun sekurang kurangnya setiap lima tahun.**

Signed by,

Malaysian Medical Association (MMA)

Islamic Medical Association of Malaysia (IMAM)

Hartal Doktor Kontrak

Malaysian Medics International (MMI)

Rujukan:

1. https://hg.moh.gov.my/akaun/filelink/fileman-files/upload/garis_panduan/etap/garis%20panduan%20ETAP%20BIL.2%202023%20.pdf
2. https://docs.ipa.gov.my/saraan/GAJI/JGMM/JGMM_U.pdf
3. <https://codeblue.galencentre.org/2022/06/17/study-reveals-8-to-9-annual-medical-inflation-in-malaysia/>



KERAJAAN MALAYSIA

Nama :
No. Gaji :
No. K/P :
No. Pkja/Sub Pkja :



Kump PTJ/PTJ :
Pusat Pembayar :
No Cukai/KWSP :



Pendapatan

0001 Gaji Pokok
1052 Im Ttp Perumahan
1054 Im Ttp Keraian
1275 BI Pakar Perubatan
1362 B.Imb Sara Hidup
1500 BI Perkhidmatan Kritikal

AMAUN (RM)
6,971.00
700.00
600.00
2,500.00
300.00
750.00



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Jumlah Pendapatan

: 11,821.00

Jumlah Potongan
Gaji Bersih

Pendapatan Bercukai
Pendapatan carum KWSP

: 7,721.00
: 11,221.00

% Peratus Gaji Bersih



No Akaun Bank:

SILA SIMPAN UNTUK KEGUNAAN CUKAI PENDAPATAN

SULIT DAN PERSENDIRIAN

<http://www.anm.gov.my>